

PBAPP sambut baik cadangan KASA tubuh LLSM

03/05/2021 06:15 PM



GEORGE TOWN, 3 Mei -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyokong cadangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk menubuhkan Lembaga Lembangan Sungai Muda (LLSM).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata Ketua Setiausaha KASA Datuk Seri Zaini Ujang yang dipetik dalam sebuah laporan akhbar tempatan pada 30 April lepas menyatakan bahawa penubuhan LLSM akan menyelesaikan pertelingkahan antara Kedah dan Pulau Pinang ke atas Sungai Muda.

"Dari segi konsep, perbezaan antara Lembaga Lembangan Ulu Muda (LLUM) yang dicadangkan Pulau Pinang dan LLSM yang dicadangkan oleh KASA adalah cadangan Pulau Pinang untuk melindungi tadahan air di Empangan Muda, Pedu dan Ahning, sementara cadangan oleh KASA hanya terbatas untuk melindungi lembangan Sungai Muda.

"Cadangan Pulau Pinang adalah untuk melindungi tadahan air Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sementara LLSM terhad untuk hanya melindungi lembangan sungai Selatan Kedah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata antara cadangan Pulau Pinang mengenai langkah segera yang harus diambil oleh KASA dan Kerajaan Persekutuan termasuklah mengharamkan semua aktiviti pembalakan di Ulu Muda, dengan segera yang dilihat akan menjejaskan prestasi Ulu Muda sebagai sebahagian dari lembangan air Sungai Muda atau kawasan tadahan air.

"Halang sebarang aktiviti perlombongan yang boleh berlaku di Ulu Muda, terutamanya eksplorasi perlombongan mineral elemen nadir bumi yang mendatangkan risiko pencemaran tanah dan air.

"Selain itu, pihak kementerian dan kerajaan juga hendaklah memberi pampasan kepada Kedah dengan dana Persekutuan setelah 163,000 hektar kawasan hutan hujan diwartakan, dilindungi dan dikategorikan sebagai "hutan tadahan air" yang tidak dapat disentuh di bawah Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.

Tambah Jeseni lagi, Pulau Pinang menyokong pembayaran pampasan Persekutuan untuk Kedah sekiranya Kedah komited sepenuhnya untuk melindungi dan memulihara Ulu Muda sebagai sumber air mentah NCER.

"Pulau Pinang dan PBAPP berterima kasih kerana KASA mempertimbangkan dengan serius penubuhan sebuah lembaga lembangan sungai untuk menguruskan Sungai Muda kerana Sungai Muda adalah satu-satunya sumber air mentah utama Pulau Pinang sekarang," katanya.